

18/05/1997

Asean perlu seragam undang-undang siber

Zulkofli Jamaludin

SEPANG: Malaysia mengajak rakannya dalam Asean mengadakan undang-undang siber yang seragam, termasuk menubuhkan mahkamah siber, untuk melindungi kepentingan pelabur dalam industri maklumat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perbincangan awal mengenai perkara itu akan diadakan pada mesyuarat peringkat Menteri Luar Asean Julai depan sebelum dibawa ke sidang kemuncak tidak rasmi Asean, Disember ini.

Dr Mahathir berkata, perkara itu perlu dibincangkan terlebih dahulu di kalangan anggota Asean bagi mengetahui pendapat dan pandangan pemimpin lain mengenainya.

"Selagi kita tidak bersetuju mengenai sesuatu standard, kita tidak dapat mengatasi penyalahgunaan media berkenaan," katanya selepas merasmikan upacara pecah tanah bandar pintar Cyberjaya di sini, semalam. Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta beberapa Menteri Kabinet dan Pengerusi Cyberview Sdn Bhd, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, hadir sama.

Selain Malaysia, Asean kini turut dianggotai Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Mengenai Akta Pemusatan Multimedia, Perdana Menteri berkata, undang-undang itu perlu kerana bidang penyiaran, telekomunikasi dan penghantaran serta penerimaan suara melalui telefon sudah berkembang.

"Kita memerlukan satu undang-undang untuk meliputi semua perkara ini bagi mengelak pertindihan.

"Akta ini juga perlu bagi membolehkan kita mendapatkan faedah optimum daripada multimedia, di samping menyekat kegiatan tidak sihat," katanya.

Dr Mahathir berkata, akta itu yang sudah dirangka, akan dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat akan datang.

Dalam lawatannya ke Amerika Syarikat awal tahun ini bagi mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC), Dr Mahathir juga memberi jaminan kepada pelabur bahawa Malaysia memberi keutamaan kepada undang-undang siber bagi melindungi kepentingan mereka.

Sejak MSC dilancarkan tahun lalu, kerajaan menjelaskan mengenai rancangan Malaysia membina koridor itu dan pelbagai kemudahan menarik yang ditawarkan kepada syarikat yang beroperasi di situ.

Dr Mahathir berkata, satu lagi lawatan promosi akan diadakan di London pada 20 Mei ini dan kali ini beliau akan menemui 740 ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat terkemuka Eropah.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir meminta syarikat tempatan merebut pelbagai peluang pembangunan di Cyberjaya dan menjalin hubungan strategik serta kerjasama dengan syarikat antarabangsa dalam bidang multimedia.

Perdana Menteri berkata, walaupun MSC, khususnya Cyberjaya, diwujudkan bagi membantu negara menjadi sebuah kuasa ekonomi dalam era maklumat multimedia, ia tidak bermakna industri lain tidak akan diberi perhatian.

Beliau berkata, pembangunan teknologi maklumat dan multimedia tidak terhad dan bahan itu penting, kerana masyarakat di rantau Asia Pasifik mempunyai sistem nilai budaya dan sosial yang berbeza dengan Barat.

"Jika digunakan secara efektif, ia menjadi input yang berguna dan dalam banyak perkara, sebagai pemangkin untuk pelbagai industri.

"Cyberjaya menjanjikan banyak peluang dan manfaat sampingan dan hasilnya akan dirasakan sehingga generasi akan datang.

"Sebagai contoh, terdapat ruang untuk menyediakan bahan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tokok, walaupun terasnya ialah perkhidmatan

multimedia," katanya.

(END)